

# 'Kerajaan perlu belanja wang'

um-21/2/2006

Oleh ROZILAN SALLEH

**PULAU PINANG** 20 Feb. – Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan perlu membelanjakan sejumlah wang bagi memastikan pembangunan negara terus dapat dijana untuk mencapai status negara maju menjelang 2020.

Menurut bekas Perdana Menteri, sekiranya kerajaan tidak berbelanja untuk menggerakkan wang, negara mungkin tidak akan dapat mencapai matlamat Wawasan 2020 itu.

"Adalah penting bagi kerajaan berbelanja, kadang-kadang kerajaan pinjam duit, kalau tidak belanja, sukar bangun negara."

"Orang lain pun boleh juga belanja tetapi di negara kita, yang belanjakan wang paling besar ialah kerajaan, jadi kita kena belanja kerana itulah yang menggerakkan wang tadi," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika menyampaikan siri syarahan umum peringkat kebangsaan bertajuk *Membangunkan Negara* anjuran Universiti Sains Malaysia (USM) di sini hari ini.

Dr. Mahathir memberi contoh mengenai projek-projek yang dianggap mega seperti kereta nasional, Jambatan Pulau Pinang, Menara Berkembar Petronas, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya dan sistem pengangkutan awam di ibu negara yang suatu ketika dahulu mendapat kritikan hebat dan dianggap sebagai pembaziran semata-mata.

Bagaimanapun, katanya, kini semua projek berkenaan ternyata memberikan manfaat kepada rakyat dan negara.

"Malah orang Pulau Pinang pun minta sebuah jambatan baru lagi. Masa pembinaan Jambatan Pulau Pinang dahulu, banyak wang digerakkan berikutan kegiatan ekonomi seperti

**Adalah penting bagi kerajaan berbelanja, kadang-kadang kerajaan pinjam duit, kalau tidak belanja, sukar bangun negara**

pembelian bahan-bahan binaan, simen malah juga penyediaan makanan untuk pekerja-pekerja," katanya.

Bagi projek kereta nasional pula, katanya, tidak ada pihak ketika itu berani mengeluarkan pelaburan sehingga menyebabkan kerajaan memperuntukkan RM48 juta untuk memulakannya.

Walaupun dikritik, namun dalam tempoh 15 tahun sejak 1990 hingga kini, kerajaan berjaya memperoleh pendapatan sebanyak RM18 bilion dalam bentuk cukai dan sekali gus membuktikan kejayaan projek itu.

Oleh itu, katanya, adalah penting bagi kera-

jaan memastikan projek-projek pembangunan berjalan untuk menggerakkan aliran wang termasuk peranan yang perlu dimainkan oleh rakyat sendiri.

Menurutnya, ini dapat dibuktikan menerusi pemberian bonus kepada kakitangan di mana daripada keseluruhan peruntukan itu, kerajaan mampu memperoleh keuntungan 25 peratus daripadanya hasil pergerakan wang berkenaan.

"Kalau wang tidak bertukar tangan, tidak ada kekayaan yang akan dijana," ujarnya yang turut berpendapat kerajaan mungkin perlu mengambil pendekatan kurang popular tetapi perlu demi kebaikan negara.

**DR. MAHATHIR MOHAMAD**



**DR. MAHATHIR**